



PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : **26** Julai 2019

Bil.8/2019

Ruj.: UMS/PEND2.1/100-1/7/2

**HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN PADA 30 JULAI 2019
SEMPENA ISTIADAT PERTABALAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan Hari Kelepasan Am Tambahan Universiti Malaysia Sabah di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sempena Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Malaysia melalui Warta Kerajaan bertarikh 1 Julai 2019 memaklumkan bahawa kerajaan, berdasarkan Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan Am 1951 (Akta 369) telah bersetuju menetapkan Hari Kelepasan Am Tambahan bagi Semenanjung Malaysia dan Labuan adalah pada 30 Julai 2019. Kerajaan Negeri Sabah melalui Warta Kerajaan Negeri Sabah pada 4 Julai 2019 berdasarkan Seksyen 9 Ordinan Hari Kelepasan Am Sabah (Bab 56) juga menetapkan bahawa tarikh yang sama diisytiharkan sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan bagi Negeri Sabah.

2.2 Hari Kelepasan Am Tambahan ini adalah bersempena pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI pada 30 Julai 2019.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Hari Kelepasan Am Tambahan adalah pada **30 Julai 2019**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,

VINA ZAHRIANI YUSOF

Pendaftar

Tarikh : **26** Julai 2019

- s.k.
- ☞ Naib Canselor
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 - ☞ Penolong Naib Canselor
 - ☞ Bendahari
 - ☞ Ketua Pustakawan